

# PM mahu Universiti Utara Keluarkan pegawai pengurusan berkesan

JITRA 15 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir menaruh harapan yang tinggi agar Universiti Utara Malaysia (UNIUTAMA) akan dapat mengeluarkan pegawai - pegawai pengurusan yang berkesan.

Kata beliau, kegagalan pelajar - pelajar universiti itu merupakan satu pencahulan kepada negara yang telah memberi berbagai kemudahan untuk mereka mencari ilmu.

Amanat ini disampaikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir kepada para pemimpin pelajar serta kakitangan akademik UNIUTAMA dalam satu majlis tertutup semasa beliau mengadakan lawatan singkat di universiti itu pagi ini.

Menurut Naib Canselor UNIUTAMA, Profesor Tan Sri Dr. Awang Had Salleh, Perdana Menteri amat berpuas hati terhadap perkembangan - perkembangan yang sedang berjalan di universiti tersebut.

Kata Tan Sri Awang Had, Datuk Sri Dr. Mahathir menasihatkan pemimpin pelajar betapa pentingnya keharmonian kaum dan siapa juga yang menjadi pemimpin hendaklah dapat berinteraksi dengan pelajar - pelajar lain tanpa mengira kaum.

Ini, kata Tan Sri Awang Had memandangkan pelajar UNIUTAMA dipimpin oleh satu golongan kaum sahaja selepas mereka mengadakan pilihanraya pelajar baru - baru ini.

Dalam kunjungan selama kira - kira sejam itu, Datuk Sri Dr. Mahathir telah diberi taklimat mengenai kampus baru yang akan dibina di Sintok, Kubang Pasu tidak lama lagi.

Turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu ialah Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, ahli - ahli Exco kerajaan, setiausaha kerajaan negeri serta ketua - ketua jabatan kerajaan.